KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	14.02.22	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	PERHILITAN			

Tapak harimau berhampiran kampung Orang Asli ditemui


CAMERON HIGHLANDS – Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) mengesan tapak kaki harimau belang berhampiran Kampung Orang Asli Sungai Ubi di sini, selepas satu rakaman video penemuan harimau berkenaan tular dua hari lalu.

Pengarah Perhilitan Pahang, Rozidan Md. Yasin berkata, tapak harimau selebar 10 sentimeter (sm) dan panjang 14sm itu ditemui kira-kira 1 kilometer daripada kampung berkenaan.

"Pemantauan dibuat berasaskan aduan penemuan tapak kaki hidupan liar berkenaan di Kampung Orang Asli Sungai Ubi pada 10 Februari lalu yang mana lokasi kejadian berada kira-kira 1km dari perkampungan Orang Asli Kampung Ubi.

"Kita akan meneruskan pemantauan bagi memastikan harimau itu kembali ke habitatnya dan tidak mengancam penduduk," katanya.

Jelasnya pada masa ini kakitangan Perhilitan Pahang dan Perak membuat pemantauan dan mendapatkan maklumat daripada penduduk sekitar.



TANGKAP layar video mengenai kemunculan harimau di kawasan Cameron Highlands baru-baru ini.

Dua hari lalu, tular rakaman video mengenai penemuan seekor harimau dikatakan dikesan di kawasan Cameron Highlands.

Ia merupakan video kedua selepas yang pertama seminggu lalu memaparkan seekor harimau belang dikatakan berkeliaran di sekitar Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands.